


Masa depan Kuala Kedah cerah



● Kecil besar tua muda tidak ketinggalan menunggu lawatan Perdana Menteri ke Kuala Kedah.



● Penduduk Kuala Kedah keluar beramai-ramai di jeti untuk menyaksikan perarakan bot yang membawa Perdana Menteri ke Seberang Kota.



● Saya seronok bila balik ke sini. Rasa seperti kita cakup dalam keluarga.



● Perdana Menteri berharap pekan Kuala Kedah akan mempunyai bangunan lebih indah dan menarik.



● Penduduk tempatan turut serta mengikuti perarakan ke Seberang Kota.

Oleh SHUKOR RAHMAN

PERKAMPUNGAN nelayan Kuala Kedah yang serba kekurangan itu telah membuka lembaran baru dalam sejarahnya selepas lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

baru-baru ini. Datuk Seri Dr. Mahathir telah menimbulkan gelak ketawa apabila menyebut tentang bau busuk (dari perusahaan ikan) yang pasti terhidu apabila seseorang itu sampai di Kuala Kedah. "Hari ini baunya kurang. Tetapi apa-

bila saya datang senyap-senyap, baunya lain sikit. Orang Kuala Kedah tidak bau apa-apa pun, hanya orang luar yang bau," ujarnya dengan berseloroh. Datuk Seri Dr. Mahathir mengenangkan semasa la kecil, Kuala Kedah hanya mempunyai rumah-rumah atap. "Pada zaman dulu, apabila hujan panas,

orang-orang tua pasti berkatka, mesti ada pembunuhan di Kuala Kedah, seolah-olah ramal orang Kuala Kedah ini adalah pembunuhan dan jahat belaka. Pada masa itu saya pun turut percaya," katanya. Perdana Menteri bagaimanapun berharap Pekan Kuala Kedah akan mempunyai bangunan-

bangunan yang lebih indah dan menarik. "Saya harap di masa depan kita tidak akan melihat lagi bangunan-bangunan buruk yang berbumbungan zing berkarat. Sampai bila kita mak gunakan bangunan-bangunan ini, sampai tahun 2000?" beliau bertanya. Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan

setiap masyarakat mesti berubah untuk mencapai kemajuan dan menggesa rakyat supaya bekerjasama untuk mewujudkan pembangunan. Beliau mengingatkan bahawa di Malaysia memang terdapat banyak peluang untuk seseorang itu mencari kekayaan. Katanya sesuatu perusahaan atau per-

nagaan boleh berjaya sekiranya rela didมodenkan. Misalnya, kata beliau, laka Teeluk Keeal (dekat Kuala Kedah) terkenal hingga ke Kuala Lumpur. Datuk Seri Dr. Mahathir meletakkan batu asas Bangunan UMN0 Bahagian Kuala Kedah yang akan dibina selinggi lima tingkat di tengah-tengah pekan

itu. "Saya harap di masa depan lebih banyak bangunan tinggi — sampai 50 tingkat pun — dibina di Kuala Kedah supaya nelayan-nelayan di laut tidak sesat," ujarnya. Datuk Seri Dr. Mahathir meminta maaf kalau nampaknya beliau berlekeh sedikit. "Sebenarnya, saya seronok bila balik ke

sini. Rasanya seperti kita cakup dalam keluarga dan saya berpeluang cakup dalam loghat Kedah," katanya. Berkat minat dan lawatan Perdana Menteri ke kota yang bersejarah itu, mungkin kerja-kerja pemilihan kawasan saringan dan peruma-

han murah serta kawasan-kawasan yang mengalami hakisan. Selepas melawat Kampung Tengah dan Kampung Hulu, satu perarakan bot membawa beliau ke Seberang Kota. Berkat minat dan lawatan Perdana Menteri ke kota yang bersejarah itu, mungkin kerja-kerja pemilihan kawasan saringan dan peruma-